

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN]

TARIKH : 4 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah status terkini untuk membina satu makmal ujian yang baru di Sandakan seperti yang diumumkan pada 14 April 2020 oleh Kementerian sebagai salah satu daripada usaha untuk meningkatkan kemampuan melakukan ujian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia telah berjaya meningkatkan kemampuan ujian makmal RT PCR COVID-19 daripada 1,000 ujian sehari pada Januari 2020 kepada 37,336 ujian sehari pada Julai 2020.
2. Pada peringkat awal pandemik, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) **telah berusaha untuk mempertingkatkan keupayaan makmal COVID-19 di tahap optimum bagi menampung keperluan ujian COVID-19 di seluruh negara.** Sehubungan dengan itu, pada 14 April 2020, Kementerian Kesihatan telah memaklumkan mengenai **inisiatif untuk meningkatkan kapasiti ujian makmal negara.**
3. Antara usaha yang dilakukan adalah seperti berikut:
 - 3.1. **Mewujudkan kolaborasi** dengan makmal-makmal swasta, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Universiti.

3.2. Mengenalpasti makmal-makmal sedia ada bagi menjalankan ujian COVID-19 melalui kaedah berikut:

3.2.1. **Melibatkan makmal-makmal yang telah mempunyai platform ujian molekular sedia ada** (mesin automasi *Genexpert*) untuk menjalankan ujian COVID-19.

3.2.2. Mewujudkan perkhidmatan ujian molekular di makmal-makmal hospital lain secara:

(i) **penubuhan makmal molekular lengkap** (bagi makmal-makmal yang mempunyai kepakaran mikrobiologi); atau

(ii) **perolehan baru mesin automasi *GeneXpert*** (yang boleh dikendalikan oleh pegawai makmal tanpa memerlukan makmal molecular lengkap).

Tuan Yang di-Pertua,

4. **Hospital Sandakan** telah dikenalpasti sebagai salah satu makmal hospital yang terlibat di dalam peluasan ini. **Kaedah peluasan** yang dicadangkan adalah **dengan cara perolehan mesin baru automasi *GeneXpert*** dan bukannya dengan membina satu makmal baru seperti yang dinyatakan.

5. Walaupun bilangan kes harian COVID-19 semakin menurun, Kementerian menetapkan untuk meneruskan inisiatif ini kerana perancangan ini masih relevan selaras dengan enam (6) perkara utama bagi *exit policy* oleh *World Health Organization* (WHO) mengenai keperluan memastikan negara mempunyai keupayaan yang mencukupi bagi pengesanan dan ujian COVID-19.

Sekian, terima kasih.